

SOALAN NO. 41**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN
NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pencapaian Kementerian sehingga sekarang dalam usaha membantu golongan kurang berkemampuan dan program terkini dalam menyelesaikan isu kemiskinan dan senaraikan jumlah serta kategori penerima bantuan kewangan mengikut negeri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) prihatin akan cabaran hidup golongan miskin dan mereka yang memerlukan. Program-program yang telah dilaksanakan/ dirancang oleh JKM kearah pendayaupayaan ekonomi klien/ kumpulan sasar dalam membangunkan ekonomi dan menjana pendapatan adalah menerusi :-

Productive Welfare merupakan inisiatif inovasi sosial bagi menggalakkan penerima bantuan Jabatan yang produktif agar berdikari melalui program menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup kumpulan sasar agar tidak bergantung selamanya kepada bantuan Kerajaan. Antara projek yang dilaksanakan adalah seperti produk kraf, aksesori wanita, makanan siap proses dan lain-lain. Sejak *Productive Welfare* dijalankan pada April 2014 sehingga Februari 2015, seramai 703 orang peserta telah mendapat manfaat dengan purata peningkatan pendapatan purata peningkatan pendapatan melebihi per kapita iaitu RM210.

Bagi tahun 2014 iaitu sehingga bulan September, peruntukan sebanyak RM1.012 billion telah disalurkan kepada 459,643 orang penerima. Jumlah penerima bantuan paling ramai ialah dari negeri Sabah iaitu 60,803 orang, diikuti negeri Johor iaitu 47,368 orang seterusnya negeri Kelantan iaitu 40,851 orang, negeri Selangor iaitu 39,605 orang dan negeri Kedah 38,069 orang penerima. Maklumat terperinci mengenai jumlah penerima bantuan kewangan bulanan JKM mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	2014 (sehingga September)	
	Bil. Kes	RM
Johor	47,368	110,542,752
Kedah	38,069	59,264,795
Kelantan	40,851	74,715,433
Melaka	27,503	67,789,440
Negeri Sembilan	26,915	58,702,593
Pahang	28,375	69,943,266
Perak	37,717	85,263,905
Perlis	8,804	16,560,143
Pulau Pinang	21,311	53,151,030
Sabah	60,803	145,212,263
Sarawak	31,672	69,051,055
Selangor	39,605	91,475,436
Terengganu	35,707	76,642,793
W.P. Kuala Lumpur	13,973	31,772,702
W.P. Labuan	970	2,222,150
Jumlah	49,643	1,312,309,756

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Selain dari itu, terdapat juga program-program yang dilaksanakan bagi membantu golongan kurang berkemampuan seperti berikut:

a) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)

Sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 hingga 2014, seramai 4,834 orang ibu tunggal telah menyertai program I-KIT di seluruh negara. Untuk pemantauan yang dijalankan dari tahun 2010 hingga 31 Disember 2014, seramai 2,318 orang ibu tunggal telah berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 50% daripada pendapatan asal setelah enam (6) bulan mengikuti program ini.

b) Program 1AZAM

Dari tahun 2010 hingga Disember 2014, sejumlah 173,445 orang telah menyertai Program 1AZAM. Pada tahun 2014, seramai 22,040 peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan asal melebihi RM300.

c) Program Mamacare (Program Penjagaan Selepas Bersalin)

Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh 91 orang pengamal sepanjang bulan Januari 2013 hingga Disember 2014 adalah

sebanyak RM1,263,640 dengan pendapatan tertinggi mencapai RM6,800 sebulan. Jumlah pelatih yang telah dilatih sehingga Februari 2015 adalah seramai 431 orang wanita daripada golongan *Low Income Household* (LIH).